

16/08/1999

Pengumuman MSCI, jangkaan pilihan raya lonjak minat belian

Fred Tam

BURSA Saham Kuala Lumpur (BSKL) minggu lalu mengetepikan dengan cemerlang dua kepercayaan tahyul yang sentiasa menghantui sesetengah pelabur - kejadian gerhana mata hari dan kejatuhan hari Jumaat pada tarikh 13 haribulan.

Penanda aras BSKL, Indeks Komposit (IK) melonjak 69.79 mata atau 9.93 peratus minggu lalu untuk ditutup pada paras 772.88.

Gerhana mata hari pada Rabu berlalu tanpa sebarang kesan kepada pasaran yang ditutup 4.87 mata lebih tinggi pada hari berkenaan. Hari Jumaat yang jatuh pada 13 haribulan lebih menghampakan mereka yang mempercayai tahyul. IK bergerak dalam jajaran 74.87 mata sebelum ditutup 43.92 mata lebih tinggi pada hari itu. Ada sesetengah peniaga, bersandarkan dua kepercayaan tahyul berkenaan, menelahkan bahawa IK akan jatuh kepada paras 660 minggu lalu. Mereka ini tentunya hampa dengan perkembangan minggu lalu.

Namun, bukan semua yang membuat telahan minggu lalu gagal. Kami menjangkakan pasaran melantun minggu lalu (dalam kolum ini yang disiarkan Isnin lalu) dan ia bergerak seperti yang kami jangkakan. Kami mengunjurkan pasaran susut kepada paras terendah 686 mata minggu lalu, berbanding tahap terendah 660 yang diuji Selasa lalu. Kami mengunjurkan pasaran melantun dalam jajaran 770 hingga 800 minggu lalu dan ini menepati sasaran.

Dua berita positif yang mencetuskan lantunan pasaran minggu lalu ialah kemasukan semula IK BSKL ke dalam indeks bebas pasaran baru muncul Morgan Stanley Capital International (MSCI) dan khabar angin bahawa dua lagi kumpulan perbankan akan diumumkan Bank Negara Malaysia.

Minat belian melonjak 969 juta saham Jumaat lalu berikutan pengumuman MSCI dan jangkaan pilihan raya umum. Berikutan kecergasan dagangan minggu lalu, ramai yang menjangka sentimen yang sama minggu ini. Malangnya, carta pasaran tidak mencerminkannya dengan jelas.

Pada penutup Jumaat, petunjuk teknikal menunjukkan tanda tidak jelas dan bercanggah. Indeks Kekukuhan Bandingan (RSI) kini melebihi paras 50 dan petunjuk MACD ialah positif menandakan fasa lonjakan. Namun, petunjuk Momentum dan petunjuk pergerakan purata 24 hari kekal dalam fasa merosot. Selagi semua petunjuk tidak menunjukkan tanda fasa lonjakan, sentimen semasa tidak boleh lagi digelar fasa lonjakan.

Kami membaca lantunan minggu lalu sebagai lantunan Arus 4b. Selepas melantun 62 peratus daripada arus menurun Arus 4a, nampaknya Arus 4b kini sudah dicapai. Berdasarkan kiraan arus Elliott, pelabur harus berhati-hati dalam kegiatan membeli sehingga IK membuat pembetulan kepada zon 714. Bagi indeks Emas, zon membeli ialah pada paras 182 mata.

Analisis berkenaan meleset sekiranya harga saham melebihi pergerakan purata 24 harinya minggu ini dan semua petunjuk lain berada dalam kedudukan positif.

Minggu lalu seorang rakyat Malaysia menyerlah dan namanya ialah Datuk Azhar Mansor. Beliau mencatat sejarah apabila menjadi orang pertama berlayar mengelilingi dunia mengikut laluan barat timur tanpa bantuan enjin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terharu dengan kejayaan itu dan mengesa rakyat Malaysia meneladani Azhar dengan berani menghadapi cabaran untuk menjadi orang pertama dalam mencapai sesuatu, meskipun apa yang dilakukan itu agak mustahil, mengundang kontroversi, tidak ortodoks atau tidak konvensional.

Pada masa yang sama, satu lagi perkembangan tidak konvensional berlaku

di Pusat Dagangan Antarabangsa Putra (PWTC) pada 12 Ogos. Dalam ucapannya di satu seminar mengenai Internet, Pengerusi Eksekutif Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebutharga Automasi Malaysia (Mesdaq), Khairil Annuar Abdullah juga menggesa rakyat Malaysia untuk melaku dan melihat sesuatu pada perspektif yang berlainan, iaitu untuk menerima Internet dan mengakuinya sebagai sesuatu yang mampu memberi kesan yang lebih besar daripada ekonomi sebenar dan pasaran modal.

Sehubungan itu, beliau bertanyakan sama ada negara ini sudah bersedia menerima penyeneraian pertama syarikat Internetnya. Apakah pelabur boleh berubah daripada melabur dalam syarikat perniagaan tradisi kepada syarikat yang terbabit dalam perniagaan Internet?

Mesdaq sudah berani membuat sesuatu yang berlainan. Bursa itu adalah yang pertama mengedarkan prospektus melalui Internet. Satu lagi perkara yang memperlihatkan rakyat Malaysia membuat sesuatu yang berlainan ialah galakan kerajaan kepada rakyatnya untuk menggunakan Internet.

Seorang pegawai Merrill Lynch, Yeoh Keat Seng berkata sokongan yang diberi kerajaan dalam pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah antara sebab utama kenapa rakyat Malaysia begitu berminat terhadap Internet. Ini adalah satu lagi contoh munculnya rakyat Malaysia baru.

(END)